

16/01/2003

Pasangan pemandu Malaysia rentasi 19 negara

Zaharah Othman

LONDON: Berbekalkan semangat Malaysia Boleh, pasangan suami isteri, Mejar

(B) Arshad Feroz Khan dan isterinya Salina Abdullah, berlepas ke Montreal,

Kanada semalam untuk meneruskan usaha mengelilingi dunia memandu kereta.

Setakat ini, pengembaraan Caltex Overland World Challenge yang ditaja syarikat minyak Caltex dan beberapa syarikat lain membawa mereka memandu sejauh 21,000 km sejak memulakan pengembaraan pada September tahun lalu.

Sejak berlepas dari Kolkata, India, mereka memandu merentasi 19 negara dengan menempuh pelbagai keadaan cuaca, termasuk yang teramat sejuk serta

menikmati pelbagai jenis makanan.

Ketika ditemui di sini, Arshad, 59, dan Salina, 56, kelihatan sihat dan

ceria selepas berehat selama dua minggu sebelum menyambung perjalanan.

"Antara lain, pengembaraan ini adalah untuk membuktikan bahawa umur tidak menjadi halangan jika kita ada azam yang kuat untuk berbuat sesuatu.

"Apabila kami memberitahu keluarga dan kawan, ramai yang menasihatkan kami bahawa pada umur yang lanjut sebegini, tidak wajar kami merentas dunia. Tetapi, setakat ini, Alhamdulillah, kami hampir separuh jalan dan dua bulan lagi kami akan sampai ke tanah air," kata Arshad.

Arshad mengaku dia terpaksa memujuk Salina yang tidak begitu berminat kerana berat meninggalkan anak dan cucu mereka.

"Saya risau kerana banyak yang perlu difikirkan, iaitu kesihatan, keselamatan dan belanja. Kami terpaksa berjimat. Kami terpaksa berhati-hati kerana tidak kenal sesetengah negara yang kami lalui," kata Salina.

Tetapi pasangan yang bertemu ketika di bangku sekolah lagi banyak berlatih memandu di negara jiran sebelum ini. Arshad sendiri membuat banyak penyelidikan mengenai negara yang mereka perlu lalui.

Mereka akan memandu di 30 negara dan setakat ini sudah melalui India, Pakistan, Iran, Turki dan kebanyakan negara Eropah. Atas nasihat pegawai pejabat perwakilan Malaysia di luar negara dan masyarakat tempatan yang ditemui, mereka membuat keputusan tidak melawat negara tertentu kerana pergolakan politik atau sosial.

"Kami tidak akan pergi ke Amerika kerana sebab-sebab yang memang nyata.

Kami tidak mahu sebarang masalah yang akan melambatkan perjalanan dan sebab itu kami akan terus ke Kanada," kata Arshad.

Dari Montreal, mereka akan memandu ke Vancouver, Jepun, China, Vietnam, Laos dan Thailand dan dijangka tiba di Malaysia pada Mac.

Banyak pengalaman pahit manis yang dikumpul dan dicatat mereka sepanjang

jalan. Walaupun terpaksa mengharungi banyak soalan pada setiap perhentian

imigresen, mereka dilayan baik apabila memaklumkan bahawa mereka sedang memandu mengelilingi dunia.

Walaupun setengah orang tak kenal Malaysia, mereka yang kenal menyambut pasangan berkenaan dengan baik. Malah ada yang berkata, `kalau anda orang Dr Mahathir, sila nikmati negara kami!"